

## PENGARUH GAYA ASUHAN KEIBUBAPAAN DAN KECERDASAN EMOSI TERHADAP EFKASI KENDIRI KERJAYA REMAJA

FATIN NURAIN NURDIN, JASMI ABU TALIB\*, FARAH NABILLAH MOKHTAR DAN NURUL ATIQAH AB. RAJI

*Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.*

\*Corresponding author: jasbatrisyia2@umt.edu.my

<http://doi.org/10.46754/umtjur.v5i1.393>

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan mengkaji hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dan kecerdasan emosi ke atas efikasi kendiri kerjaya serta faktor peramal kepada efikasi kendiri kerjaya remaja. Seramai 335 orang pelajar tingkatan enam bawah di negeri Terengganu terlibat dalam kajian ini yang dipilih secara persampelan bertujuan. Kajian ini dijalankan secara kaedah tinjauan dengan menggunakan tiga set soal selidik. Data kajian dianalisis secara inferensi menggunakan kolerasi dan regresi. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara gaya asuhan ibu bapa dan kecerdasan emosi dengan efikasi kendiri kerjaya remaja. Analisis regresi pula menunjukkan gaya asuhan ibu bapa (autoritarian, authoritative and permisive) dan kecerdasan emosi merupakan faktor penyumbang terhadap efikasi kendiri kerjaya remaja. Implikasi praktikal kajian ini menunjukkan amalan gaya asuhan ibu bapa dan kecerdasan emosi memainkan peranan penting dan perlu dipertingkatkan untuk membantu meningkatkan efikasi kendiri kerjaya remaja. Implikasi teoritikal pula, dapatkan kajian ini memantapkan lagi andaian teori iaitu gaya asuhan dan kecerdasan emosi memberi kesan terhadap efikasi kendiri kerjaya remaja. Cadangan lanjutan perlu dijalankan dengan menggunakan sampel yang lebih besar serta kaedah kajian secara kualitatif bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian.

Kata kunci: Gaya asuhan, authoritarian, authoritative, permisive, kecerdasan emosi, efikasi kendiri kerjaya.

## THE INFLUENCE OF PARENTING STYLE AND EMOTIONAL INTELLIGENCE ON ADOLESCENT CAREER SELF-EFFICIENCY

**Abstract:** This study aimed to examine the correlation between parenting style and emotional intelligence with career self-efficacy as well as predictive factors on teenager's career self-efficacy in Terengganu, Malaysia. A total of 335 lower six students from schools in Terengganu were selected using purposeful sampling method as the respondents in this study. This study was conducted using a survey method that used three set of questionnaires. The data were analyzed by inferential analysis using correlation and regression. The findings of this study indicated that there was a significant positive correlation between parenting style and emotional intelligence with teenagers' career self-efficacy. The regression analysis showed that parenting style (authoritarian, authoritative and permissive) and emotional intelligence were the contributing factors to the teenagers' career self-efficacy. The implications of the study are that parenting style and emotional intelligence are important and need to be improved to help improve adolescent career self-efficacy. The theoretical implications of this study further strengthen the theoretical assumptions and the theory that parenting style and emotional intelligence have an impact on teenagers career efficacy. Further recommendations need to be carried out by using a larger sample and qualitative research methods to strengthen the findings of the study.

Keywords: Parenting style, authoritarian, authoritative, permissive, emotional intelligence, career self-efficacy.

## Pengenalan

Efikasi kendiri kerjaya memainkan peranan penting dalam kehidupan seseorang. Efikasi kendiri kerjaya bermaksud keyakinan seseorang terhadap kebolehan dan kemampuan diri mereka sendiri dalam menjalankan sesuatu tugas berkaitan kerjaya pilihan mereka (Lent & Hackett, 1987; Anderson & Betz, 2001). Bandura (1997) pula berpendapat bahawa efikasi kendiri kerjaya merupakan suatu aspek penting bagi seseorang individu dalam proses pembentukan diri mereka terutama dari aspek kepercayaan, motivasi, tahap-tahap afektif dan tindakan mereka berdasarkan apa yang diyakini secara objektif dan realiti. Efikasi kendiri kerjaya akan membantu remaja melibatkan diri dalam satu tugas yang mereka percaya dapat dilakukan dengan jayanya dan terus-menerus membuat mereka bermotivasi (Cai-Lian Tam, 2012) dan ia juga merupakan jangkaan kemampuan seseorang dalam melaksanakan tugas atau dalam erti kata lain efikasi kendiri ini dinilai sebagai pra-syarat untuk menentukan keberhasilan sesuatu tugas oleh seseorang (Bandura, 1997). Sekiranya efikasi kendiri remaja berada pada tahap yang baik, maka, efikasi kendiri kerjaya mereka juga cenderung untuk berada pada tahap yang baik dan menetapkan lebih banyak matlamat kerjaya (Bandura, 1993; 1997). Efikasi kendiri kerjaya merupakan teras utama kepada remaja sebagai persediaan mereka untuk menghadapi alam pekerjaan kelak. Bandura, Barbaranelli, Vittorio Caprara dan Pastorelli (2001) Wolfe dan Betz (2004) dan Andrius Brusokas dan Romualdas Malinauskas (2014) menegaskan bahawa efikasi kendiri kerjaya penting dalam proses pemilihan kerjaya remaja kerana efikasi kendiri kerjaya membantu remaja mengenali diri mereka dengan lebih mendalam dari segi kemampuan kerjaya.

Bagi membentuk efikasi kendiri kerjaya dalam diri remaja, peranan ibu bapa merupakan antara faktor yang penting. Menurut Das dan Patnaik (2007), gaya asuhan ibu bapa remaja dan sokongan keluarga adalah penting dalam proses perkembangan sosial dan intelektual mereka. Hill dan Taylor (2004) pula berpendapat bahawa terdapat dua mekanisme

utama dalam gaya asuhan dan penglibatan ibu bapa iaitu meningkatkan modal sosial remaja dan kawalan sosial remaja. Oleh itu, ibu bapa perlu menyediakan persekitaran keluarga yang kondusif bagi membantu melancarkan proses peralihan dari alam remaja ke alam dewasa, dan ia akan menjadi lebih lancar apabila remaja mendapat asuhan, bimbingan, sokongan dan panduan daripada ibu bapa dalam persekitaran keluarga yang harmoni (Erikson, 1968). Banyak kajian terdahulu membuktikan bahawa gaya asuhan ibu bapa dan amalan keibubapaan dapat mempengaruhi kawalan kendiri anak-anak (Baumrind, 1966; 1967; 1995), kebolehan mengawal tekanan dan mengendalikan masalah (Webster-Stratton, 1998), dan mempunyai kompetensi sosial serta hubungan interpersonal yang baik (Kuczynski & Kochanska, 1995). Oleh itu, adalah amat penting bagi ibu bapa untuk mengamalkan gaya asuhan yang berkesan kepada anak-anak mereka supaya proses pembentukan efikasi kendiri kerjaya remaja berlaku dengan sempurna. Malangnya, ramai remaja mempunyai efikasi kendiri kerjaya yang rendah kerana tidak mendapat asuhan ibu bapa dengan sempurna dan berasal daripada keluarga bermasalah (Daniel C. Lustig, Yonghong Jade Xu & David R. Strauser, 2016). Apabila remaja mempunyai tahap efikasi kendiri kerjaya yang rendah, ia menyebabkan mereka tidak bersedia mendapatkan pekerjaan kerana tiada dorongan dan sokongan daripada keluarga sepetimana yang dikatakan oleh Sampson, J. P., Reardon, R. C., Peterson, G. W., dan Lenz, J. G. (2004) yang mengatakan bahawa remaja akan mengalami kekeliruan dalam membuat keputusan dan mengalami keimbangan komitmen; justeru, mereka tidak sanggup dan tidak bermotivasi untuk memikirkan tentang kerjaya, tidak yakin dengan kebolehan untuk melaksanakan sesuatu keputusan kerjaya serta sukar bertanggungjawab terhadap penyelesaian masalah kerjaya.

Selain gaya asuhan dan penglibatan ibu bapa, kecerdasan emosi juga turut memainkan peranan penting dalam efikasi kendiri kerjaya remaja. Kecerdasan emosi ialah himpunan kecekapan atau kebolehan emosi dan sosial serta cara komunikasi berkualiti seseorang dengan dirinya

sendiri dan orang lain untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran (Bar-On, 2000). Sementara itu, Goleman (1995) mengatakan bahawa suasana keluarga yang memberi keutamaan terhadap hubungan interpersonal dan pertautan emosi yang selamat antara ahli keluarga akan mempunyai kompetensi emosi yang tinggi, lebih bertanggungjawab, berdikari, berkeyakinan, dan mempunyai kompetensi sosial yang tinggi. Tambahan pula, beliau turut bersetuju bahawa kecerdasan emosi adalah salah satu faktor peramal kepada kejayaan kerja seseorang dan menegaskan bahawa kecerdasan emosi sangat berkait rapat dengan kepuasan kerja serta kejayaan kerja seseorang.

### **Permasalahan Kajian**

Efikasi kendiri kerja ialah keyakinan seseorang terhadap kebolehan dan kemampuan diri mereka sendiri dalam menjalankan sesuatu tugas berkaitan kerja pilihan mereka (Lent & Hackett, 1987; Anderson & Betz, 2001) dan efikasi kendiri kerja merupakan aspek penting yang perlu ada dalam pembentukan kendiri seseorang remaja. Pembentukan efikasi kendiri kerja remaja amat penting sebagai persediaan remaja memasuki alam kerja dan proses pembentukan efikasi kendiri kerja ini bukan hanya dipengaruhi oleh usaha remaja itu sendiri bahkan turut melibatkan aspek-aspek lain antaranya persekitaran (Chun-Chen Chan, 2018) dan sokongan ibu bapa yang diterima oleh remaja (Cox, R. H., Sadberry, S., McGuire, R. T., & McBride, A., 2009).

Tahap kecerdasan emosi yang baik membantu remaja mempunyai efikasi kendiri kerja yang baik. Hal ini demikian kerana kecerdasan emosi yang baik membantu remaja memahami dan lebih mengenali diri mereka sendiri, seterusnya, mampu memilih kerja berdasarkan kemampuan diri (Bandura, 1993). Remaja yang berada di peringkat akhir persekolahan seperti tingkatan enam adalah peringkat sekolah yang paling hampir dengan alam pekerjaan. Oleh itu, remaja perlu lebih peka terhadap peluang kerja, minat kerja, cara memperoleh kerja yang diminati dan

mengumpul banyak maklumat berkaitan untuk memilih kerja yang paling diminati sebagai persediaan atau strategi pembangunan kerja sebelum masuk ke alam pekerjaan.

Efikasi kendiri kejaya perlu ada dalam diri remaja bagi membantu remaja membuat pemilihan kerja. Mohd Sani (2011) mengatakan bahawa remaja yang tidak jelas tentang hala tuju kerja mereka akan mempunyai masalah dari segi tidak mengenali personaliti dan kemampuan diri, tidak minat merancang kerja yang akan dipilih, tiada maklumat tentang kerja, dan juga tidak mampu menyelesaikan masalah berkaitan kerja. Sekiranya hal ini tidak berlaku dengan baik, remaja tidak memperoleh banyak maklumat berkaitan kerja dan ia akan mengganggu proses pembentukan efikasi kendiri kerja dalam diri mereka seperti yang dikatakan oleh Betz (2000) dalam kajiannya yang mendapati ramai remaja kurang keyakinan terhadap kemampuan diri untuk berjaya dalam serta tidak yakin dengan kemampuan diri untuk menjalankan tugas dalam bidang kerja yang diceburi. Remaja yang mempunyai tahap efikasi kendiri yang rendah bukan sahaja memberi kesan kepada psikologi, malah, turut memberi kesan kepada masa hadapan mereka (Multon & Brown, 1991; Mau, 2003).

Rosa, Paloma, Rosario dan Jose (2017) pula mendapati banyak kajian terdahulu yang mengkaji berkaitan kesan gaya asuhan terhadap tingkah laku anak-anak. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa isu yang masih belum dikaji. Pertama, hubungan gaya asuhan dengan tingkah laku sosial boleh bergantung kepada banyak faktor yang berbeza, contohnya ciri-ciri pada anak itu sendiri (seperti jantina dan umur), status sosioekonomi keluarga, dan juga budaya (Raya et al., 2009; Garcia-Linares et al., 2011; Eisenberg et al., 2015). Justeru, masih banyak kajian perlu dilakukan melibatkan aspek-aspek berkenaan. Kedua, dalam kebanyakan kajian, data hanya melaporkan penglibatan ibu dan penglibatan ibu dan bapa sahaja (Phares et al., 2005) walaupun kebiasaannya ibu lebih banyak melibatkan diri berbanding bapa dalam

asuhan terutamanya dalam budaya barat. Kini, penglibatan bapa dalam mengasuh anak-anak turut meningkat, maka kajian tentang peranan bapa dalam asuhan patut dikaji (Greenfield *et al.*, 2006).

Di Malaysia pula, kajian berkaitan gaya asuhan ibu bapa dan kecerdasan emosi dalam kalangan remaja masih kurang dijalankan (Hamidah Sulaiman, 2013) dan masih belum ada kajian tentang hubungan kecerdasan emosi, gaya asuhan ibu bapa dan efikasi kendiri kerjaya remaja. Justeru, pengkaji melihat wujudnya jurang kajian yang perlu dikaji bagi menambah khazanah ilmu dalam kajian berkaitan efikasi kendiri kerjaya. Hamidah Sulaiman (2013) juga mendapati gaya asuhan ibu bapa dan kecerdasan emosi merupakan pemboleh ubah yang saling berkaitan namun, kebanyakannya kajian yang telah dijalankan mengkaji pemboleh ubah ini secara berasingan (Wells, Torrie & Prindle, 2000; Scott-Ladd & Chan, 2004; Smith, 2005; Spector, 2005; Alegre & Benson, 2007; Berg, 2011; Alegre, 2012).

Berdasarkan analisis kajian terdahulu yang dikemukakan, pengkaji telah menjalankan kajian ini untuk mengisi lompong kajian yang wujud. Justeru, tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dan kecerdasan emosi terhadap efikasi kendiri kerjaya remaja pelajar tingkatan enam. Di samping itu, faktor peramal kepada efikasi kendiri kerjaya turut dikaji dalam kajian ini.

## Metodologi

Kajian ini merupakan kajian yang berbentuk kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan. Seramai 335 orang pelajar tingkatan enam di lapan buah daerah di negeri Terengganu terlibat dalam kajian ini. Tiga set soal selidik digunakan sebagai alat pengumpulan data iaitu Skala Gaya Asuhan oleh Baumrind (1966) diterjemah oleh Hamidah Sulaiman (2013) untuk mengukur gaya asuhan ibu bapa, Skala Efikasi Kendiri-Ringkas (1996) yang diterjemah oleh Mohd

Sani (2011) untuk mengukur tahap efikasi kendiri kerjaya dan Skala Kecerdasan Emosi oleh Schutte *et al.* (1998) diterjemah oleh Hamidah Sulaiman (2013) untuk mengukur tahap kecerdasan emosi. Berdasarkan pengiraan Krejcie dan Morgan (1970), jumlah responden yang diperlukan adalah seramai 335 orang berdasarkan populasi seramai 2,511 orang pelajar tingkatan enam bawah di seluruh negeri Terengganu. Kaedah persampelan bertujuan digunakan dalam pemilihan sekolah dan juga responden tingkatan enam. Ciri-ciri yang diperlukan oleh pengkaji adalah responden mesti berada di tingkatan enam bawah. Pemilihan pelajar tingkatan enam ini kerana mereka berada di transisi peralihan daripada alam persekolahan ke alam pekerjaan.

## Dapatkan Kajian

### *Hubungan Kecerdasan Emosi dan Gaya Asuhan Ibu Bapa dengan Efkasi Kendiri Kerjaya Remaja*

Jadual 1 menunjukkan hubungan kecerdasan emosi dan gaya asuhan ibu bapa dengan efikasi kendiri kerjaya remaja. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan efikasi kendiri kerjaya remaja. Kekuatan hubungan ialah  $r=0.392$ ,  $k>0.05$ . Menurut Cohen (1988), ia merupakan suatu hubungan yang sederhana. Bagi gaya asuhan pula, terdapat hubungan positif yang signifikan antara gaya asuhan ibu bapa dengan efikasi kendiri kerjaya remaja dengan kekuatan  $r=0.434$ ,  $k>0.05$ . Hubungan ini juga merupakan hubungan yang sederhana menurut Cohen (1998). Ini bermakna, gaya asuhan ibu bapa dan kecerdasan emosi mempunyai hubungan dengan efikasi kendiri kerjaya remaja. Jika gaya asuhan ibu bapa sangat baik, efikasi kendiri kerjaya remaja juga akan meningkat, begitu juga dengan kecerdasan emosi. Jika kecerdasan emosi remaja meningkat, efikasi kendiri kerjaya turut meningkat dalam diri remaja.

Jadual 1: Hubungan kecerdasan emosi dan gaya asuhan ibu bapa dengan efikasi kendiri kerjaya remaja

<b>Pemboleh Ubah</b>	<b>Efikasi Kendiri Kerjaya</b>	
	<b>Nilai r</b>	<b>Nilai p</b>
Kecerdasan emosi	.392**	.000
Gaya asuhan ibu bapa	.434 **	.000

### **Faktor Peramal kepada Efikasi Kendiri Kerjaya Remaja**

Ujian regresi digunakan bagi menganalisis faktor peramal kepada efikasi kendiri kerjaya remaja. Hasil analisis seperti ditunjukkan di Jadual 2.

Jadual 2: Faktor penyumbang kepada efikasi kendiri kerjaya remaja

<b>Model</b>	<b>B</b>	<b>Unstandardized Coefficients</b>		<b>Standardized Coefficients</b>		<b>t</b>	<b>Sig.</b>
		<b>Beta</b>	<b>Std. Error</b>	<b>Beta</b>	<b>Std. Error</b>		
		<b>Std. Error</b>					
1	(Constant)	1.584	.213			7.422	.000
	gabungan3asuhan_mean	.114	.021	.315	.061	5.539	.000
	emosi_mean	.244	.061	.228	.062	4.000	.000
	autoritarian_mean	.156	.062	.160	.062	2.522	.012
	permisif_mean	.146	.061	.166	.061	2.398	.017
	autoritatif_mean	.170	.056	.192	.056	3.055	.002

  

<b>Model</b>	<b>R</b>	<b>R Square</b>	<b>Adjusted R Square</b>	<b>Std. Error of the Estimate</b>
1	.476 <sup>a</sup>	.226	.221	.38929

Hasil kajian menunjukkan bahawa gaya asuhan dan kecerdasan emosi memberi sumbangan terhadap efikasi kendiri kerjaya remaja iaitu sebanyak 22.6%. Gaya asuhan memberi sumbangan sebanyak 11.4% manakala kecerdasan emosi memberi sumbangan sebanyak 24.4%. Bagi melihat jumlah sumbangan untuk setiap jenis gaya asuhan, analisis lanjut dijalankan. Gaya asuhan jenis autoritatif didapati menyumbang sebanyak 17.0% iaitu sumbangan yang paling tinggi berbanding dua jenis gaya asuhan yang lain. Kemudian, gaya asuhan jenis authoritarian menyumbang sebanyak 15.6% dan gaya asuhan jenis permisif menyumbang sebanyak 14.6% kepada efikasi kendiri kerjaya remaja. Ini bermakna, gaya asuhan ibu bapa dan kecerdasan emosi adalah peramal kepada efikasi kendiri kerjaya remaja.

### **Perbincangan**

Tujuan utama kajian adalah untuk meninjau hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dan kecerdasan emosi dengan efikasi kendiri kerjaya remaja. Tiga hipotesis null telah dibina dalam kajian ini. Hipotesis pertama, tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan efikasi kendiri kerjaya; hipotesis yang kedua, tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya asuhan ibu bapa dengan efikasi kendiri kerjaya; dan hipotesis yang ketiga, tiada sumbangan faktor peramal gaya asuhan ibu bapa dan kecerdasan emosi terhadap efikasi kendiri kerjaya.

Hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dan efikasi kendiri kerjaya remaja. Ini bermakna semakin tinggi tahap kecerdasan

emosi remaja, maka, semakin tinggi tahap efikasi kendiri kerjaya mereka. Menurut teori kecerdasan emosi oleh Mayer dan Salovey (1995), individu yang mempunyai emosi yang stabil dapat mengawal perasaan, memotivasi diri, mengiktiraf emosi orang lain, dan juga berkebolehan mengendalikan hubungan. Ini secara tidak langsung boleh meningkatkan tahap efikasi kendiri remaja. Apabila kedua-dua komponen ini iaitu emosi dan efikasi kendiri kerjaya berada dalam keadaan stabil, remaja dalam konteks kajian ini akan mampu untuk mengawal diri dan menentukan hala tuju kerjaya mereka pada masa hadapan. Ini bertepatan dengan apa yang telah dinyatakan oleh Bandura melalui Teori Kognitif Sosial (1986), yang menyatakan efikasi kendiri kerjaya memfokuskan kepada kekuatan, keyakinan dan kepercayaan individu untuk mencapai kecemerlangan dalam apa jua bidang yang diceburi. Ia juga dapat dicapai melalui gaya asuhan yang sesuai. Gaya asuhan ibu bapa yang positif, berkeyakinan, bermotivasi dan bertanggungjawab akan melahirkan anak-anak yang mempunyai emosi dan efikasi kendiri kerjaya yang stabil dan baik.

Seterusnya, hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dengan efikasi kendiri kerjaya remaja. Hubungan kedua-dua pemboleh ubah ini adalah signifikan dengan kekuatan yang sederhana dan ini menunjukkan bahawa jika ibu bapa mengasuh anak-anak mereka dengan betul, efikasi kendiri kerjaya remaja turut meningkat. Hal ini menunjukkan terdapat hubungan korelasi yang positif dan signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah ini. Ini menunjukkan bahawa peranan yang dimainkan oleh gaya asuhan ibu bapa amat penting bagi menentukan tahap efikasi kendiri kerjaya remaja. Hal ini disokong oleh kajian Hassan Tozandehjani, Jahanseir Izadeh dan Zahra Lagzian (2011) yang mengatakan bahawa terdapat pengaruh gaya asuhan yang signifikan terhadap efikasi kendiri pelajar yang menerangkan bahawa gaya asuhan yang baik mendorong kepada efikasi kendiri yang baik.

Kajian turut melihat sumbangan faktor peramal terhadap efikasi kendiri kerjaya remaja.

Hasil kajian mendapati gaya asuhan ibu bapa dan kecerdasan emosi memberi sumbangan kepada efikasi kendiri kerjaya remaja. Bagi mengenal pasti jenis gaya asuhan yang paling menyumbang kepada efikasi kendiri kerjaya remaja, analisis lanjut telah dijalankan. Jenis gaya asuhan yang paling menyumbang kepada efikasi kendiri kerjaya remaja adalah gaya asuhan jenis autoritatif. Kajian oleh Cai-Lian Tam, Amanda Chong, Amudha Kdirvelu dan Yoon-Ting Khoo (2012) juga selari dengan kajian ini kerana terdapat hubungan antara gaya asuhan autoritatif dengan tahap efikasi kendiri remaja. Gaya asuhan autoritatif ini berbentuk mengawal dan bertanggungjawab terhadap anak-anak yang secara tidak langsung membantu kepada peningkatan efikasi kendiri kerjaya anak-anak. Dapatkan disokong oleh kajian daripada Mojgan Seifi (2016) yang mengatakan bahawa gaya asuhan autoritatif memberi kesan kepada efikasi kendiri manakala gaya asuhan autoritarian tidak memberi kesan.

Oleh itu, terbuktilah bahawa gaya asuhan memberi sumbangan terhadap efikasi kendiri kerjaya remaja kerana gaya asuhan yang baik akan membentuk keperibadian dan keyakinan diri remaja sepertimana andaian teori Baumrind (1967) yang berpendapat bahawa gaya asuhan autoritatif ialah gaya asuhan yang mempunyai ciri tegas tetapi penyayang dan konsisten. Ibu bapa juga mempunyai jangkaan atau permintaan yang tinggi terhadap anak-anak dan disusuli dengan sokongan dan bantuan. Gaya asuhan autoritatif ini memberi impak yang positif terhadap perkembangan anak-anak remaja mereka. Heer (2008) mendapati bahawa terdapat hubungan yang kuat antara gaya asuhan ibu bapa jenis autoritatif dengan pertautan emosi yang selamat terhadap anak-anak mereka. Justeru, ibu bapa perlu peka dan menitikberatkan gaya asuhan yang diberikan kepada anak-anak kerana ia akan mempengaruhi efikasi kendiri mereka, seterusnya, memberi kesan terhadap efikasi kendiri kerjaya mereka. Setiap gaya asuhan yang berbeza akan membentuk kendiri anak-anak yang berbeza.

Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, gaya asuhan jenis autoritarian merupakan gaya asuhan paling dominan yang diamalkan oleh ibu bapa remaja, disusuli oleh gaya asuhan jenis autoritatif dan seterusnya, gaya asuhan jenis permisif. Keadaan ini mungkin berlaku kerana ibu bapa remaja yang dikaji berasal dari pantai timur semenanjung Malaysia dan masih mengamalkan gaya asuhan tradisional yang lebih berbentuk authoritarian iaitu ibu bapa ialah tuan kepada anak-anak dan anak-anak perlu menurut perintah ibu bapa mereka sebagai tanda hormat. Selain itu, ia juga mungkin berlaku kerana taraf pendidikan dan sikap keterbukaan ibu bapa yang rendah terhadap gaya hidup moden. Taraf pendidikan yang rendah ini juga mendorong ibu bapa untuk kekal dengan gaya asuhan keibubapaan yang diamalkan oleh generasi sebelumnya kerana mereka lebih yakin bahawa asuhan seperti itu lebih berkesan bagi membentuk anak-anak yang lebih berguna, menghormati orang tua, bersahsiah mulia serta elok budi pekerti. Ia disokong oleh beberapa kajian yang telah dilakukan melibatkan masyarakat di Asia yang mendapati bahawa gaya asuhan jenis authoritarian merupakan gaya asuhan terbaik. Contohnya, Chao dan Sue (1996); dan Chen, Dong dan Zhou (1997) yang mengkaji praktik gaya asuhan masyarakat silang budaya melibatkan kaum Cina; kajian oleh Kagitchibasi (2005) dan Rohner dan Pettengil (1985) yang melibatkan masyarakat Korea dan Turki; kajian Chan dan Khoo (2010) melibatkan Cina dan Eropah-Amerika, dan akhir sekali ialah kajian oleh Leung, Lau dan Lam (1998) yang melibatkan Cina, Asia dan Australia. Kesemua kajian ini membuktikan bahawa jenis gaya asuhan utama yang diamalkan oleh majoriti masyarakat negara Asia yang terlibat ialah gaya asuhan jenis authoritarian dan menganggap gaya asuhan jenis authoritarian merupakan gaya asuhan yang terbaik untuk diberikan kepada anak-anak mereka.

Namun, menurut andaian Baumrind (1991), anak-anak yang diasuh dengan gaya asuhan jenis authoritarian akan takut untuk membuat keputusan, takut meluahkan pendapat, dan tidak mahu bertanggungjawab atas keputusan yang

telah dibuat. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa gaya apa yang diperkatakan oleh Baumrind (1971) itu tidak boleh digeneralisasikan dalam semua masyarakat kerana ia berkait rapat dengan pengamalan budaya sesebuah masyarakat. Ia juga disokong oleh Chao dan Sue (1996); Baldwin, McIntyre dan Hardaway (2007); Habibah dan Tan (2009); dan Levpuscek dan Zupanic (2009) Levpuscek dan Zupanic (2009) yang turut mempertikaikan kredibiliti model Baumrind terutamanya berkaitan hasil kajian silang budaya dan masyarakat bukan barat.

Dapatan kajian juga menunjukkan kecerdasan emosi turut memberi sumbangan terhadap efikasi kendiri kerjaya remaja. Ia selari dengan kebanyakan kajian yang telah dijalankan sebelum ini berkaitan kecerdasan emosi dan efikasi kendiri, contohnya kajian oleh Goleman (1995) yang mengatakan bahawa kecerdasan emosi merupakan salah satu peralaman kepada kejayaan kerjaya seseorang. Beliau turut menegaskan bahawa kecerdasan emosi sangat berkait rapat dengan kepuasan kerja dan kejayaan kerjaya seseorang. Tambahan pula, sampel kajian ini kebanyakannya tinggal di rumah dan dikawal oleh ibu bapa. Kolb dan Hanley-Maxwell (2003) mengatakan bahawa ibu bapa merupakan individu penting dalam proses perkembangan kecerdasan emosi remaja. Oleh itu, kecerdasan emosi remaja yang dikaji adalah berkait rapat dengan gaya asuhan yang diamalkan oleh ibu bapa mereka semasa di rumah.

## Rumusan

Kajian ini telah membuktikan bahawa kecerdasan emosi dan gaya asuhan mempunyai hubungan dengan efikasi kendiri kerjaya. Selain itu, kajian ini juga membuktikan kedua-dua boleh ubah iaitu gaya asuhan dan kecerdasan emosi merupakan faktor peralaman kepada efikasi kendiri kerjaya remaja. Oleh itu, ibu bapa perlu mengamalkan gaya asuhan yang paling ideal dalam mendidik anak-anak agar mereka membesar menjadi seorang yang optimis, berkeyakinan dan sentiasa bermotivasi.

Selain itu, aspek kecerdasan emosi juga harus ditingkatkan dalam diri remaja kerana hasil kajian juga mendapati kedua-dua pemboleh ubah ini membantu remaja untuk lebih mengenali diri dari segi kemampuan dan minat kerjaya untuk perancangan kerjaya mereka.

## Rujukan

- Alegre, A., & Benson, M. (2007). Parental acceptance and late adolescents' adjustment: The role of emotional intelligence. In E. Fatos (Ed.), *Acceptance: The essence of peace*. (Selected Papers from the First International Congress on Interpersonal Acceptance and Rejection, pp. 33-49). Istanbul, Turkey: Turkish Psychology Association, Incekara Press.
- Alegre, A. (2012). Is there a relation between mother's parenting styles and children's trait emotional intelligence? *Electronic Journal of Research in Educational Psychology*, 10(1), 005-034, no. 26.
- Anderson, S. L., & Betz, N. E. (2001). Sources of social self-efficacy expectations: Their measurement and relation to career development. *Journal of Vocational Behaviour*, 58, 98–117.
- Andrius Brusokas & Romualdas Malinauskas (2014). Career self-efficacy among Lithuanian adolescents in sports schools. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 116(2014), 212-216.
- Baldwin, D. R., McIntyre, A., & Hardaway, E. (2007). Perceived parenting styles on college students' optimism. *College Student Journal*, 41, 50-557.
- Bandura, A. (1977). *Social learning theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall, Inc.
- Bandura, A. (1993). Perceived self-efficacy in cognitive development and functioning. *Educational Psychologist*, 28(2), 117–148. [https://doi.org/10.1207/s15326985ep2802\\_3](https://doi.org/10.1207/s15326985ep2802_3)
- Bandura, A., Barbaranelli, C., Vittorio Caprara, G., & Pastorelli, C. (2001). Self-efficacy beliefs as shapers of children aspirations and career trajectories. *Child Development*, 72, 187–207.
- Bar-On, R. (2000). Emotional and social intelligence: Insights from the Emotional Quotient Inventory (EQ-i). Dlm. R. Bar-On and J. D. A. Parker (Pnyt.), *Handbook of emotional intelligence*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Baumrind, D. (1966). Effects of authoritative parental control on child behavior. *Child Development*, 37, 887-907.
- Baumrind, Diana. (1967). Child care practices anteceding three patterns of pre-school behavior. *Genetic Psychology Monographs*, 75, 43-88.
- Baumrind, D. (1991). The influence of parenting style on adolescent competence and substance use. *Journal of Early Adolescence*, 11, 56-95.
- Baumrind, Diana. (1995). *Child maltreatment and optimal caregiving in social context*. New York, NY: Garland.
- Berg, Brook. (2011). *The effects of parenting styles on a preschool aged child's social emotional development* (6<sup>th</sup> ed.). American Psychological Association.
- Betz, N. E. (2000). Self efficacy as a basic for career assessment. *Journal of Career Assessment*, 8(3), 205-219.
- Cai-Lian Tam, A. C.-T. (2012). Parenting styles and self-efficacy of adolescents: Malaysian scenario. *Global Journal of Human Social Science Arts & Humanities*, 19-25.
- Chan, C.-C. (2020). Factors affecting career goals of taiwanese college athletes from perspective of social cognitive career theory. *Journal of Career Development*, 47(2), 193–206. <https://doi.org/10.1177/0894845318793234>
- Chan, T. W., & Khoo, A. (2010). Parenting styles and youth outcomes in UK. *European Sociological Review*, 1-15. Retrieved from <http://user.ox.ac.uk/~sfos0006/paper/ers2010.pdf>

- Chao, R. K., & Sue, S., (1996). Chinese parental influences and their children's school success: A paradox in the literature on parenting styles. Dlm. S. Lau (Peyt.), *Growing up the Chinese way* (hlm. 93-120). Hong Kong: The Chinese University Press.
- Chen, X., Dong, Q., & Zhou, H. (1997). Authoritative and authoritarian parenting practices and social schoolperformance in Chinese children. *International Journal of Behavioral Development*, 21(4), 855-873.
- Cohen, J. (1988). *Statistical power analysis for the behavioral sciences* (2<sup>nd</sup> ed.). Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Cox, R. H., Sadberry, S., McGuire, R. T., & McBride, A. (2009). Predicting student athlete careersituation awareness from college experiences. *Journal of Clinical Sport Psychology*, 3(2), 156-181.
- Daniel C. & Lustig, Y. J. (2016). The influence of family of origin relationships on career thoughts. *Journal of Career Development*, 44(1), 49-61.
- Das, P. K., & Patnaik, S. (2007). Parental support and development of peer social status among children in India. *Illinois Child Welfare*, 3, 1-3.
- Eisenberg, N., Spinrad, T. L., & Knafo-Noam, A. (2015). Prosocial development. In M. E. Lamb (Ed.), 7 R. M. Lerner 613 (Series Ed.), *Handbook of child psychology and developmental science: Socioemotional processes*. (7<sup>th</sup> ed.). (Vol. 3, pp. 610-656). New Jersey: Wiley.
- Erikson, E. H. (1968). *Identity: Youth and crisis*. New York, NY: Norton.
- Garcia-Linares, M. C., Cerezo, M. T., de la Torre, M. J., Carpio, M. V., & Casanova, P. F. (2011). Parenting practices and internalizing and externalizing problems in Spanish adolescents. *Psicothema*, 23(4), 654-659. ISSN: 0214-9915.
- Goleman, D. (1995). *Emotional Intelligence: Why it can matter more than IQ*. New York, NY: Bantam Books.
- Greenfield, P. M., Suzuki, L. K., & Rothstein Fisch, C. (2006). Cultural pathways through human development. In W. Dammon, & R. M. Lerner (Series Eds.) & K. A. Renninger, & I. E. Sigel (Ed.), *Handbook of child psychology: Child psychology in practice* (6<sup>th</sup> ed.), (Vol. 4, pp. 675-692). New York: Wiley.
- Habibah & Tan. (2009). Relationship between perceived paternal and maternal parenting styles and student academic achievement in selected secondary schools. *European Journal of Social Sciences*, 9(2), 181-192.
- Hamidah Binti Sulaiman. (2013). *Hubungan antara kecerdasan emosi dengan gaya asuhan ibu bapa dalam kalangan remaja sekolah* [Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya]. [http://studentsrepo.um.edu.my/5569/1/HAMIDAH\\_SULAIMAN\\_\(PHA04006\).pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/5569/1/HAMIDAH_SULAIMAN_(PHA04006).pdf)
- Hassan Tozandehjani, J. T. (2011). The effect of parenting styles on self-efficacy and mental health of students. *Journal of Gonabad University of Medical Science*, 17(3), 56-63.
- Heer, P. A. (2008). *The relationship between college students' retrospective accounts of parenting styles and self reported adult attachment styles* [Doctoral's Dissertation, University of Northern Colorado]. <https://digscholarship.unco.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1235&context=dissertations>
- Hill N., & Taylor L. C. (2004). Parental school involvement and children's academic achievement—Pragmatics and issues. *Current Directions in Psychological Science*, 13(4), 161-164. <https://doi.org/10.1111/j.0963-7214.2004.00298.x>
- Kagitchibasi, Cigdem. (2005). *Family and human development across cultures*. Mahwah, NJ: Erlbaum.

- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- Kuczyinski, L., & Kochanska, Grazyna. (1995). Function and content of maternal demands: Development significance on early demands for competent action. *Child Development*, 66, 616-628.
- Kolb & Hanley-Maxwell. (2003). Critical social skills for adolescents with high incidence disabilities: Parental perspectives. *Exceptional Children*, 69(2), 163-79.
- Levpuscek & Zupanic (2009). Math achievement in early adolescence: The role of parental involvement, teachers' behavior, and students' motivational beliefs about math. *Journal of Early Adolescence*, 29, 541-570. <https://doi.org/10.1177/0272431608324189>
- Lent, R. W., & Hackett, G. (1987). Career self-efficacy: Empirical status and future directions. *Journal of Vocational Behaviour*, 30, 347–382.
- Leung, K., Lau, S., & Lam, W. (1998). Parenting styles and academic achievement: A cross-cultural study. *Merrill-Palmer Quarterly*, 44, 157-167.
- Mau, W. C. (2003). Educational planning and academic achievement of middle school students: A racial and cultural comparison. *Journal of Counseling & Development*, 73, 518-526.
- Mayer, J. D., & Salovey, P. (1995). Emotional intelligence and the construction and regulation of feelings. *Applied & Preventive Psychology*, 4, 197-208.
- Multon, K. D., Brown, S. D., & Lent, R.W. (1991). Relation of self efficacy beliefs to academic outcomes: A meta-analytic investigation. *Journal of Counseling Psychology*, 38, 30-38.
- Mohd Sani Ismail (2011). *Kematangan kerjaya, efkasi kendiri kerjaya dan penglibatan pelajar dalam aktiviti program bimbingan dan kaunseling kerjaya*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Azis Ngah, Suzalina Halid, & Fahmy A. Rosli. (2019, Julai 7). Siswazah B40 paling ramai menganggur. *Berita Harian*. hlm. 16-18. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/07/582258/eksklusif-graduan-siswazah-miskin-b40-sukar-dapat-kerja-setimpal#:~:text=%E2%80%9CData%20juga%20menunjukkan%20graduan%20anak,pengangguran%20siswazah%20mereka%2C%E2%80%9D%20katanya>
- Vicky Phares, Lopez, E., Fields, S., Kamboukos, D., & Amy, M. (2005). Are fathers involved in pediatric psychology research and treatment? *Journal of Pediatric Psychology*, 30(8), 631–643. <https://doi.org/10.1093/jpepsy/jsi050>
- Raya, A. F., Pino, M. J., & Herruzo, J. (2009). La agresividad en la infancia: El estilo de crianza parental como factor relacionado. *European Journal of Education and Psychology*, 2(3), 211–222. <https://doi.org/10.30552/ejep.v2i3.28>
- Rohner, R., & Pattengill, S. M. (1985). Perceived parental rejection and parental control among Korean adolescents. *Child Development*, 36, 524-528.
- Rosa, R.O., Paloma. B., R., Rosario, C., & Jose, M. Munoz. (2017). Differential effect of mother's and father's parenting in prosocial and antisocial behavior: Child sex moderating. *Journal Child and Family*, 26(8), 2182–2190. <https://psycnet.apa.org/doi/10.1007/s10826-017-0726-4>
- Sampson, J. P., Reardon, R. C., Peterson, G. W., & Lenz, J. G. (2004). *Career counseling and services: A cognitive information processing approach*. Belmont, CA: Brooks/Cole Thomson Learning.
- Seifi, M. (2016). The effects of parenting styles on students self-efficacy. *International Journal of Humanities and Cultural Studies*, 2193-2200.

- Schutte, N. S., Malouff, J. M., Hall, Lena E., Haggerty, D., Cooper, J. T., Golden, C., & Dornheim, Liane. (1998). Development and validation of a measure of emotional intelligence. *Personality and Individual Differences*, 25, 167-177. [https://doi.org/10.1016/s0191-8869\(98\)0001-4](https://doi.org/10.1016/s0191-8869(98)0001-4)
- Scott-Ladd, B., & Chan, C. C. A. (2004). Emotional intelligence and participation in decision-making: Strategies for promoting organizational learning and change. *Strategic Change*, 13, 95-105.
- Smith, G. T. (2005). On construct validity: Issues of method and measurement. *Psychological Assessment*, 17, 396-408.
- Spector, P. E. (2005). Examining emotional intelligence and leadership. *Dissertation Abstracts International*, 66(11), 6323B. (UMI No. 3197949).
- Webster-Stratton, Carolyn. (1998). Preventing conduct problems in head start children. Strengthening parenting competencies. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 66(5), 715-730.
- Wells, D., Torrie, J., & Prindle, L. (2000). *Exploring emotional intelligence correlates in selected populations of college students*. ERIC. <http://www.eric.ed.gov/contentdelivery>
- Wolfe, J. B., & Betz, N. E. (2004). The relationship of attachment variables to career decision-making self-efficacy and fear commitment. *The Career Development Quarterly*, 52, 363-369.
- Zikic, J., & Richareson, J. (2007). Unlocking the careers of business professionals following job loss: Sense making and career exploration of older workers. *Canadian Journal of Administrative*, 24, 58-73. <http://dx.doi.org/10.1002/cjas.5>